

Dua lelaki didenda kerana jadi keldai akaun sindiket penipuan

Mereka masing-masing dihukum denda RM70,000 dan RM75,000

Oleh Hafizah Abdul Hamid

KUCHING: Dua lelaki yang bertindak sebagai keldai akaun bagi sindiket penipuan dalam talian membabitkan sebuah bank masing-masing dijatuhi hukuman denda RM70,000 dan RM75,000 di Mahkamah Sesyen berasingan di sini, semalam.


Dalam kes pertama, Hakim Musli Ab Hamid menjatuhkan hukuman denda RM70,000 atau empat tahun penjara terhadap Chong Huat Nyeap, 28.

Sementara bagi kes kedua, Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman denda RM75,000 atau empat tahun penjara terhadap Albert Chung Swee Heng, 61.

Kedua-dua tertuduh menukar pengakuan mereka kepada bersalah dalam penguurusan kes yang dilaksanakan secara berasingan semalam, dengan pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 424C (1) Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda hingga RM150,000 atau penjara hingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua lelaki berkenaan didakwa telah terlibat secara



TUKAR PENGAKUAN: Chung (berseluar jeans) berada di hadapan kamar Mahkamah Sesyen selepas dijatuhi hukuman semalam.

langsung dalam transaksi menggunakan akaun milik mereka di sebuah institusi kewangan di sini, melibatkan wang milik sebuah bank, tanpa tujuan yang sah.

Berdasarkan fakta kes, pegawai eksekutif di Bahagian Jabatan Perbankan Digital bank tersebut menerima maklumat daripada Jabatan Operasi Saluran Korporat mengenai beberapa transaksi mencurigakan melibatkan dana bank berjumlah RM160 juta.

Susulan itu, laporan polis dibuat, manakala semakan lanjut pihak bank mendapati transaksi tanpa kebenaran itu

berlaku lebih awal iaitu antara 28 Oktober dan 3 November 2025.

Laporan polis kedua kemudian merekodkan jumlah keseluruhan RM203.82 juta yang dipindahkan secara tidak sah ke beberapa akaun tempatan.

Siasatan polis seterusnya mendapati rekod transaksi dalam sistem bank tidak sepadan dengan laporan Real-Time Retail Payments PayNet, manakala pemeriksaan digital menunjukkan sistem bank telah terjejas sehingga memungkinkan pemindahan dana tidak sah

dibuat.

Siasatan lanjut kemudian mendapati pada 3 November 2025, kedua-dua tertuduh didapati menerima kemasukan RM200,000 setiap seorang ke dalam akaun masing-masing sebelum mengeluarkan wang tersebut secara tunai di lokasi berasingan.

Chong didapati mengeluarkan RM200,000 secara tunai di kaunter sebuah bank di pusat komersial Jalan Lapangan Terbang, sementara Chung, di kaunter bank di Jalan Pending.

Sehubungan itu, kedua-dua tertuduh ditangkap pada 21 November 2025 bagi tujuan siasatan polis.

Dalam keterangan, Chong mendakwa meminjamkan akaun bank miliknya kepada lelaki dikenali sebagai 'Jack', manakala Chung kepada 'Johnny Leong', yang menyatakan wang tersebut merupakan kemasukan daripada akaun syarikat sebelum ditunaikan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Shukor Abu Bakar dari Unit Jenayah Komersial dan Siber, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara (AGC), Putrajaya sementara Chung dan Chong diwakili peguam Russell Lim dan Lai Eddy.